

Gliclazide (30mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Azukon MR
2. Bagaimana Azukon MR berfungsi
3. Sebelum menggunakan Azukon MR
4. Cara menggunakan Azukon MR
5. Semasa menggunakan Azukon MR
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Azukon MR
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Azukon MR

Azukon MR digunakan dalam Terapi dewasa Diabetis Mellitus (insulin bukan bergantung atau jenis II), di mana pengurusan diet makanan sahaja tidak mencukupi.

Bagaimana Azukon MR berfungsi

Gliclazide merangsang pengeluaran insulin daripada fungsi pankreas islet β -cells. *Gliclazide* mengurangkan tahap darah glukosa dengan merangsangkan perembesan insulin dari sel-sel β populasi Langerhans.

Sebelum menggunakan Azukon MR

- Bila tidak boleh menggunakan

- Hipersensitiviti terhadap sulfonylurea dan bahan-bahan yang berkaitan.
- Tidak digunakan untuk: Diabetis Jenis I, diabetis permulaan juvenile;
- Diabetis yang dikomplikasi dengan ketosis atau asidosis;
- Pesakit kencing manis yang menjalani pembedahan, selepas trauma teruk atau semasa jangkitan;
- Pesakit kencing manis pra-koma dan koma;
- Keadaan buah pinggang yang teruk atau lemah hati;
- *Porphyria* (keabnormalan metabolisme yang bersifat keturunan), hipertiroidisme (kelenjar tiroid terlalu aktif)

Mengandung dan menyusukan anak
Jangan ambil Azukon MR jika anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung.

Jangan ambil Azukon MR jika anda sedang menyusukan anak. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

- Sebelum mula mengambil

Azukon MR mudah membawa kepada episod hipoglisemia. Maklumkan kepada doktor anda jika berlaku kes berpeluh, kelaparan teramat, menggeletar, pucat, penglihatan terganggu, rasa dedar, tingkah laku tidak normal, segera makan gula atau makanan mengandungi gula.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Kesan hipoglisemia dari Azukon MR bertambah apabila guna bersama *phenylbutazone, salicylates, sulphonamides, coumarin derivatives, monoamine oxidase inhibitors, beta-adrenergic blocking agents, tetracycline compounds, chloramphenicol, clofibrate, disopyramide, oral forms of miconazole* dan *cimetidine*.

Tindakan hipoglisemia dari Azukon MR boleh dikurangkan dengan *corticosteroids, oral contraceptives, thiazide diuretics, phenothiazine derivatives, thyroid hormones* dan penyalahgunaan *laxatives*.

Cara menggunakan Azukon MR

- Berapa banyak harus digunakan

Formulasi ini memberi kemudahan penggunaan dos sekali sehari 1-4 biji / hari disarankan mengambil diikuti oleh makanan.
Dos permulaan yang dicadangkan ialah 30mg sehari.

Pertukaran dari pil Gliclazide 80mg kepada Azukon MR 30 mg:

1 pil Gliclazide 80 mg adalah setanding dengan 1 pil Azukon MR.
Oleh itu pertukaran boleh dilakukan dengan pemantauan darah secara berhemat.

Pertukaran dari ejen anti-diabetik yang lain kepada Gliclazide 30 mg MR
AZUKON MR 30 mg boleh menggantikan ejen anti-diabetis yang lain.

Kombinasi rawatan dengan ejen anti-diabetis yang lain:

Azukon MR 30 mg boleh diambil bersama biguanide (contohnya metformin, phenformin), perencat alfa glukosidasa (contohnya Voglibose) atau insulin.

- Bila perlu digunakan

Ambil secara oral dan seharusnya diambil dengan makanan (Ambil pil dengan segera sebelum makan, Telan dengan penuh, jangan kunyah atau hancurkan)

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan Azukon MR

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor. Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Azukon MR.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berkongsi Azukon MR dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Setiap pengambilan Azukon MR mesti diikuti dengan makanan. Anda harus memaklumkan kepada doktor anda sekiranya anda ada masalah hati dan/atau ginjal.

Memandu dan menggunakan jentera
Kemampuan anda untuk menumpukan perhatian atau memberikan reaksi mungkin terganggu sekiranya gula darah anda sangat rendah (hipoglisemia), atau sangat tinggi (hiperglisemia) atau mendapat masalah visual akibat dari kejadian itu. Sila bertanya dengan doktor anda sama ada anda boleh memandu atau menggunakan jentera.

Kesan-sesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Azukon MR boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Di bawah merupakan kesan sampingan pengambilan Azukon MR:

- Hipoglisemia (gula darah rendah);
- Keabnormalan fungsi hati, laporan tidak kerap yang pernah diterima termasuk kegagalan hati, hepatitis (keradangan hati) dan jaundis (keadaan di mana kulit atau putih mata menjadi warna kuning yang disebabkan oleh masalah hati atau darah);
- Gangguan gastrousus ringan termasuk rasa loya , dispepsia (ketidakupayaan untuk mencerna atau kesukaran mencerna makanan), cirit-birit dan sembelit , perubahan berat badan;
- Reaksi kulit termasuk ruam, pruritus (kegatalan), erythema (kemerahan yang tidak normal pada kulit, seperti keadaan radang), bullous eruption (dicirikan oleh kehadiran atau pembentukan vesikel), discrasia darah (ketidakseimbangan komponen darah) termasuk anemia (kekurangan sel darah merah yang menyebabkan kulit pucat dan kelemahan), penurunan dalam bilangan sel-sel darah putih (*leucopenia*), pengurangan platelet dalam darah (*thrombocytopenia*) dan *granulocytopenia* (kekurangan granulocytes darah)

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers Reporting*).

Cara penyimpanan dan pelupusan Azukon MR

- Penyimpanan

- Simpan dibawah suhu 30°C. Lindungi daripada lembapan.
- Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Putih kepada putih pudar, tablet tidak bersalut yang berbentuk kapsul. Kosong pada kedua-dua permukaan.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Gliclazide

- Bahan tidak aktif

Hypromellose

CHP anhydrouse

Hypromellose

Magnesium Stearate

- Nombor MAL:

MAL11030083A

Pengilang

TORRENT PHARMACEUTICALS LTD.

Indrad 382 721, District: Mehsana INDIA.

Pemegang Pendaftaran Produk

Laboratories Torrent (Malaysia) Sdn Bhd.,
Suite E-08-08 Plaza Mont Kiara,
No. 2 Jalan Kiara Mont Kiara.
50480 Kuala Lumpur Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

10/07/2014